



Headline : Untung suku ketiga Deleum meningkat  
Media : Utusan Malaysia / Ekonomi  
Day/Date : 27 November 2012  
Page : 17  
Links :



## Deleum's Q3 pre-tax profit increase

### **Untung suku ketiga Deleum meningkat**

KUALA LUMPUR 26 Nov.- Untung sebelum cukai Deleum Bhd. bagi suku ketiga yang berakhir pada 30 September 2012 naik kepada RM17.42 juta daripada RM13.53 juta pada tempoh sama tahun lepas.

Perolehan meningkat kepada RM125.02 juta daripada RM80.72 juta sebelumnya, katanya dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini.

Deleum berkata, kenaikan dalam perolehan terutamanya oleh segmen tenaga dan jentera sebanyak RM105.30 juta daripada RM55.05 juta tahun lepas.

"Sumbangan daripada segmen ini terutamanya peningkatan permintaan daripada pelanggan dengan aktiviti pengeluaran dan penerokaan yang kukuh," katanya. - BERNAMA